



M. Fakhruddin, Kampung Baru, Sibul Sarawak, bertanya:

Seorang tuan guru dan juga menjadi imam Masjid di Sibul Sarawak menerangkan di khalayak ramai di samping dia membaca kitab Isra' dan Mikraj di dalam Masjid Sibul pada malam Isnin 16.2.58 menjelaskan dan berkata lebih kurang: "Jangan dipakai sebagai keterangan dalam kitab soal jawab (maksudnya: Kitab yang dikarang Hasan Bin Ahmad, Bandung) yang mengata tak usah membaca Fatimah kalau bersembahyang itu berimam – keterangan itu salah tak boleh dipakai" (maksudnya mesti membaca juga Fatimah walaupun bersembahyang berimam atau di belakang imam).

Tolonglah terangkan dengan beberapa dalil yang jitu daripada *al-Qur'an* dan Hadis, mana satukah keterangan dalam hal ini yang lebih kuat dan sahih dan boleh dipakai dan diamalkan.

Jawab: Di dalam jawapan yang diberi di dalam kitab soal jawab yang tersebut banyak dibawa alasan-alasan yang bersetuju dengan tidak bersetuju di dalam masalah yang tersebut. Tuan boleh baca sendiri alasan-alasan yang dibawanya dan jika tuan dapati bahawa alasannya kuat dengan dalil *al-Qur'an* dan *al-hadith* maka molek pula tuan bertanya kepada imam yang tersebut apa alasan-alasannya kerana kalau alasan hanya pendapat dan fikiran atau perasaan maka yang demikian tidak boleh dipakai kerana imam-imam mazhab sendiri selalu mengatakan jika pendapat mereka sendiri bertentangan dengan *al-Qur'an* dan *al-hadith* maka imam-imam ini sendiri meminta sampai pendapatnya ditinggalkan dan peganglah Kitabullah dan sunnah rasul-Nya (SAW) itu.

* * *

Ibrahim Bin Ya'akub, Kampung Sungai Air Tawar bertanya:

1) Masa ini di kalangan hidup di dunia istimewa bagi orang Melayu nampaknya sangatlah menggalakkan menjarangkan beranak; ada di antaranya yang telah mengeluarkan beberapa banyak wang untuk membeli ubat tersebut oleh itu di sini saya berharap pada tuan moga-moga dapat menjelaskan adakah perbuatan menjarangkan beranak itu diharamkan dan sebahagiannya di manakah jatuhnya perbuatan itu dalam agama Islam.

2) Kita tahu kejadian anak-anak kecil itu ialah dari percampuran mani laki-laki dengan mani perempuan; jadi waktu kita bersetubuh dengan isteri kita, kalau kita keluarkan mani kita di luar dari rahim perempuan yakni kita mengeluarkan mani itu di sebelah luar, iaitu apabila kita rasa mani kita (lelaki) hendak keluar dicabutlah zakar itu dari rahim isteri kita, kerana dengan itu ialah satu jalan untuk menjarangkan beranak jua. Adakah perbuatan ini dilarang dan bahagian manakah terletak di dalam hukum-hukum Islam.

Jawab: Perkara ini telah pernah dijawab di dalam ruangan ini dengan panjang lebar dengan dinyatakan bahawa pada setengah-setengah keadaan menyekat beranak bagi seseorang ibu itu wajib dan pada setengah-setengah tempat haram. Juga masalah *inzāl* (mengeluarkan mani di luar rahim perempuan) juga telah dibahas dengan panjang lebar.

Dalam mengadakan sekatan beranak itu dengan

berikhtiar menjarangkan beranak dengan mencari jalan dengan tidak ada percampuran mani itu, seperti *inzāl*, juga telah diterangkan dan tentang menyekat beranak yang diwajibkan juga, kerana berbahaya kepada dirinya, bukan kerana takutkan tidak terberi nafkah juga sudah diterangkan. Kerana itulah silalah tuan buka semula lembaran majalah Qalam yang lalu dengan teliti insya-Allah tuan akan mendapat jawapan padanya.

* * *

Ahmad Murad, Air Hitam Pulau Pinang bertanya: Adakah hak bagi manusia menghalalkan barang yang diharamkan Tuhan dan mengharamkan barang yang dihalalkan Tuhan.

Jawab: Manusia tidak ada hak menghalalkan barang yang diharamkan Tuhan dan mengharamkan barang yang dihalalkan Tuhan kerana Allah itulah sahaja yang berhak di atasnya. Kalau kita tidak sesuai dengan barang itu dan kita tidak suka kepadanya (terutamanya dalam makanan) maka tidaklah bermakna itu boleh menghalalkannya.

* * *

Mokhtar Abas, Kampung Baharu Kuala Lumpur bertanya: Di dalam kongres menghapuskan pelacuran diuar-uarkan supaya gadis-gadis yang berumur 17 tahun diadakan tegahan berkahwin dengan lelaki yang berumur 50 tahun ke atas. Bagaimanakah hal ini pada perkaitannya dengan pengajaran Islam.

Jawab: Islam tidak sama sekali melarang perkahwinan dengan sebab perbezaan umur asalkan sahaja di antara keduanya redha. Keredhaan wanita hendaklah diminta lebih dahulu kerana itu melarang

perkahwinan dengan kerana perbezaan umur itu menyalahi daripada pengajaran Islam.

* * *

Adnan Muhammad, Kampung Cantik, Singapura

bertanya: Apakah sebabnya maka timbul dua kerajaan di Indonesia, kerajaan pusat dan kerajaan pemberontak?

Jawab: Oleh keadaan-keadaan ini baharu berlaku untuk penerangan buat saudara dan untuk lain-lainnya maka moleklah di sini diberi jawapan yang sedikit panjang di dalam hal ini.

Yang sebenarnya, di Indonesia sekarang ada tiga kerajaan iaitu 1) Kerajaan pusat yang diketuai oleh Sukarno, 2) Kerajaan pemberontak yang diketuai oleh Kolonel Ahmad Husein dan 3) yang tidak boleh dilupakan begitu saja ialah kerajaan negara Islam Indonesia yang diketuai oleh Kartosuwiryo yang menjalankan perjuangannya terus menerus di Jawa Barat, di Sulawesi dan di Aceh.

Dalam menjawab soalan ini biarlah kita tinggalkan dahulu hal yang mengenai negara Islam Indonesia yang telah berjuang hampir-hampir sepuluh tahun itu dan sedikit benar halnya diketahui oleh dunia luar kerana kurang propagandanya keluar pada hal perjuangan itu terus-menerus dengan hebatnya berlaku di ketiga-tiga tempat itu.

Adapun asal terbitnya kerajaan pemberontak itu kerana tidak puas hati kekuasaan Sukarno yang berbuat semahu-mahunya sahaja. Sebagaimana yang selalu

Pembaca-pembaca perhatikan dalam siaran majalah ini ketiadaan puas hati orang-orang Indonesia terhadap Sukarno sudah lama berlaku. Akhirnya sepulangnya dari Moscow Sukarno terus membuat sesuatu ((konsepsinya)) dan membentuk suatu Dewan Nasional yang orang-orangnya terdiri dari orang-orang yang disukai dan disayangi kemudian ia menyuruh membentuk sebuah Jemaah Menteri yang mengikut kemahuannya. Kemudian akhirnya, setelah dicuba beberapa kali gagal dan akhirnya ia sendiri membentuk sebuah Jemaah Menteri dengan menugaskan Dr Juanda menjadi Perdana Menteri.

Kegelisahan timbul, umat sudah tidak senang lagi kerana telah diketahui umum bahawa orang-orang yang disuruh Sukarno memegang jawatan-jawatan menteri-menteri ada setengah-setengahnya dengan ugutannya. Hal ini semakin merebak. Dalam masa itu di daerah-daerah telah terbit kesedaran bahawa langkah-langkah Sukarno hanya memusatkan hasil-hasil daerah supaya digunakan di pusat, sedang keadaan-keadaan daerah tidak diendahkan – umat daerah yang banyak hasilnya itu memandang diri mereka hanya sebagai alat atau sebagai suatu daerah penjajahan dari Jawa. Jika dahulu hasil-mahsul mereka dihantarkan untuk kesenangan di Holland tetapi sesudah merdeka hasil-mahsul mereka dihantar untuk ((kesenangan)) pemimpin-pemimpin Jawa.

Kerana timbulnya perasaan ini maka pemimpin-pemimpin di daerah-daerah bertindak. Yang pertama berdiri Dewan Banteng yang diketuai oleh Kolonel Ahmad Husein di Sumatera Tengah. Mereka mulanya mengisytiharkan supaya mereka bebas membawa penghasilan itu untuk daerah mereka dengan menolak hasil-mahsul daerah itu dipusatkan ke Jakarta. Berbulan-bulan berjalan maka akhirnya mereka

berjaya menyusun daerah mereka dengan keadaan yang baik daripada hasil-mahsul mereka sendiri. Langkah ini disambut oleh Palembang dan lain-lain daerah sehingga keadaan di pusat semakin sulit.

Tetapi rupanya pemimpin-pemimpin di daerah tidak dapat lagi menahan diri melihat bahaya-bahaya yang besar di dalam mana Sukarno berkeras membawa komunis ke dalam pemerintahan dengan beberapa sebab-musabab yang dikatakan dipaksanya untuk mengawal kehormatan dirinya.

Dengan itulah agaknya orang daerah Sumatera Tengah dan Sulawesi memberi kata dua kepada pemerintah pusat, untuk keselamatan negara dan rakyat menuntut Sukarno membubarkan Dewan Nasional yang dibentuknya yang menjadi saluran supaya ia dapat menjalankan kekuasaannya dengan ia sendiri sebagai ketuanya. Mereka menuntut juga supaya Jemaah Menteri Juanda yang dibentuknya dibubarkan. Diganti oleh sebuah Jemaah Menteri yang dipimpin oleh Dr Muhammad Hatta dan Sultan Hamengkubuwono.) Orang-orang ini adalah orang-orang yang bersih yang dipercayai oleh rakyat tetapi tidak disukai oleh Sukarno).

Sambungan di kulit dalam belakang



Lajnah Abu al-Mokhtar sedia menjawab segala kemusykilan-kemusykilan dalam masalah-masalah agama yang selalu berlaku dalam masyarakat kita. Pertanyaan-pertanyaan biarlah tepat dan jelas.

